



**“BERTUAHNYA MENJADI TETAMU ALLAH”.1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَدِّن فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رَجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ<sup>1</sup></p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Saya mengingatkan dan menyeru kepada diri saya dan para Jemaah sekalian, agar kita sentiasa meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan mematuhi segala titah perintah-Nya, melaksanakan segala suruhan-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya.</p>	5
<p>Pada hari yang penuh keberkataan ini, marilah kita sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk <b>“BERTUAHNYA MENJADI TETAMU ALLAH”</b>.</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	6
<p>Alhamdulillah, Lembaga Tabung Haji telah menghantar Jemaah Haji untuk menunaikan fardhu Haji bermula semalam. Sesungguhnya Allah SWT mensyariatkan kepada umat Islam yang melakukan ibadat Haji agar memulakan rehlah iman ini dengan hati yang ikhlas, seperti yang terangkum dalam laungan seruan talbiah.</p> <p>لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ، وَالنِّعْمَةَ، لَكَ وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ</p>	7

<sup>1</sup> Al-Hajj : 27.



<p><i>“Aku memenuhi panggilan-Mu ya Allah, Aku memenuhi panggilan-Mu, Aku memenuhi panggilan-Mu. Tiada sekutu bagi-Mu. Sesungguhnya segala pujian, kenikmatan dan kerajaan adalah milik-Mu. Tiada sekutu bagi-Mu”.</i></p>	8
<p>Talbiah yang menyentuh emosi dan perasaan ini, menggambarkan keadaan umat Islam untuk sentiasa beriltizam dengan mentauhidkan Allah dengan hati yang penuh ikhlas serta menjauhi segala perbuatan syirik.</p>	9
<p><i>Dalam konteks ini Allah SWT berfirman dalam surah Al Hajj ayat 27 yang bermaksud:</i></p> <p><i>“Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan Ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh”.</i></p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	10
<p>Sesungguhnya menunaikan fardhu Haji merupakan salah satu Rukun Islam yang diwajibkan ke atas setiap umat Islam yang mempunyai kemampuan. Abu Razin Al ‘Uqaili meriwayatkan bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai bapanya yang telah tua, tidak mampu mengerjakan Haji dan umrah, lalu Rasulullah SAW menjawab:</p> <p style="text-align: center;"><b>حُجَّ عَنْ أَبِيكَ وَاعْتَمِرْ</b></p> <p><i>“Tunaikan Haji bagi pihak bapamu dan lakukanlah umrah”.</i> <i>(Riwayat at-Tirmizi).</i></p>	11
<p>Begitu juga Ibn Abbas R.Anhuma menceritakan bahawa dimana seorang wanita dari bani Juhainah datang bertanya kepada Rasulullah memberitahu bahawa ibunya telah bernazar untuk menunaikan Haji tetapi ia telah meninggal dunia sebelum nazarnya tertunai, adakah ia perlu menunaikan Haji bagi pihak ibunya? Rasulullah menjawab dengan sabdanya:</p> <p style="text-align: center;"><b>نَعَمْ! حُجِّي عَنْهَا، أَرَأَيْتِ لَوْ كَانَ عَلَى أُمِّكَ دَيْنٌ أَكُنْتَ قَاضِيَةً؟ أَقْضُوا اللَّهَ فَاللَّهُ أَحَقُّ بِالْوَفَاءِ</b></p>	12



<p><i>"Ya! Tunaikanlah Haji bagi pihaknya. Adakah jika ibumu mempunyai hutang tidakkah kamu yang akan membayarnya? Oleh itu tunaikanlah kerana hutang kepada Allah lebih perlu ditunaikan"</i></p> <p>(Riwayat Al-Bukhari).</p>	13
<p><b>Hadirin jumaat yang dirahmati Allah,</b></p> <p>Perintah menunaikan Haji dikuatkan dengan amaran yang amat keras kepada mereka yang tidak mahu menunaikannya sekali pun telah mampu dan mencukupi syarat.</p> <p>Hadis daripada Sayyidina 'Ali Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda :</p>	14
<p>مَنْ مَلَكَ زَادًا وَرَاحِلَةً تُبَلِّغُهُ إِلَى بَيْتِ اللَّهِ وَلَمْ يَحُجَّ فَلَا عَلَيْهِ أَنْ يَمُوتَ يَهُودِيًّا أَوْ نَصْرَانِيًّا</p>	
<p><i>"Sesiapa yang mempunyai bekalan dan kenderaan yang membolehkannya sampai ke Baitullah untuk mengerjakan Haji tetapi dia tidak berbuat demikian maka tiada apa yang menghalang ia mati sama ada sebagai seorang Yahudi atau Nasrani..."</i></p> <p>(Riwayat At Tarmizi).</p>	15
<p>Sebaliknya bagi mereka yang telah berjaya mengerjakan Haji dan patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkannya maka dijanjikan oleh Allah SWT dengan balasan syurga. Hal ini telah dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah R.Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p>	16
<p>مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتَ، فَلَمْ يَرْفُثْ، وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ</p>	
<p><i>"Sesiapa yang mengerjakan Haji kemudian ia tidak mengeluarkan kata-kata lucah dan tidak berbuat maksiat maka ia bersih dari dosa bagaikan ia berada pada hari ia dilahirkan oleh ibunya"</i></p> <p>(Riwayat Al-Bukhari).</p>	17



<p>Begitu juga hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p>	18
<p>الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا، وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ، لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ</p>	
<p><i>"Antara satu umrah ke satu umrah yang lain adalah penghapus dosa. Manakala Haji yang mabrur tiada balasan yang lain melainkan syurga". (Riwayat al-Nasa'ie).</i></p>	19
<p><b>Muslimin yang dikasihi Allah,</b></p> <p>Adalah diharapkan mereka yang belum mendaftar untuk menunaikan Haji hendaklah segera mendaftar dan jangan menanggung- nangguhkannya, banyakkkan bersabar, dan berdoa mudah-mudahan dimudahkan rezeki, dipermudahkan segala urusan dan cepat mendapat giliran untuk menunaikannya.</p>	20
<p>Sehubungan itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selaku ketua agama Islam dinegeri ini dalam titah baginda di Majlis Perasmian Kursus Haji Perdana Peringkat Negeri Selangor pada 23 Jun 2019 telah menasihatkan agar Jemaah Haji sentiasa membersihkan niat sepanjang berada di tanah suci dan gunakanlah sepenuh masa serta tenaga untuk melaksanakan amal ibadah agar beroleh Haji yang mabrur. Jangan terlalu leka membuang masa dengan melakukan perkara yang tidak bermanfaat seperti berbual kosong, membeli belah dan leka menggunakan telefon bimbit. Justeru, gunakanlah setiap waktu yang ada untuk memperbanyakkan ibadah dengan pergi ke masjid untuk berjemaah, memperbanyakkan solat sunat, membaca al-Quran dan berzikir.</p>	21
<p>Baginda juga menyeru agar semua Jemaah Haji saling berganding bahu, tolong menolong dan hormat menghormati antara satu dengan yang lain. Elakkan dari bertengkar, bergaduh dan melakukan perkara yang boleh menimbulkan kekecohan supaya ibadah Haji yang bakal dilaksanakan berjalan dengan lancar dan sempurna.</p>	22



<p><b>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</b></p> <p>Ada beberapa tausiah penting yang perlu diberi perhatian oleh bakal-bakal Haji dan kepada kita yang telah mengerjakannya bahkan oleh seluruh para Jemaah sekalian iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam yang menunaikan Haji hendaklah berniat semata-mata kerana Allah SWT dengan memperbanyakkan amal ibadah semasa berada di tanah suci Mekah.</li><li>2. Umat Islam yang mampu dan cukup syarat menunaikan Haji adalah wajib menunaikan ibadah tersebut.</li><li>3. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa Allah memberi amaran keras kepada orang yang mampu menunaikan fardhu Haji tetapi tidak berniat langsung untuk melakukannya.</li></ol>	23
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">* إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٥٨﴾</p>	24
<p><i>“Sesungguhnya “Safa” dan “Marwah” itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah; maka sesiapa yang menunaikan Ibadah Haji ke Baitullah atau mengerjakan umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersaie (berjalan dengan berulang-alik) di antara keduanya. Dan sesiapa yang bersukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Baqarah : 158).</i></p>	25
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرِ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ،
8	سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تغكو أمير شاه إبنالسُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِمَوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15